

PENERANGAN INFOGRAFIK RINGKASAN KESELURUHAN
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (LKAN) TAHUN 2021 SIRI 2 MENGENAI AUDITAN KHAS
PENGURUSAN HUTAN DAN IMPAK KEPADA ALAM SEKITAR, PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI DAN PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN NEGERI TERENGGANU

1. Infografik ini menunjukkan ringkasan keseluruhan bagi LKAN Tahun 2021 Siri 2 mengenai Audit Khas, Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri dan Pengauditan Pematuhan Jabatan Negeri Terengganu. Bagi LKAN Tahun 2021 Siri 2, sebanyak lima pengauditan telah dilaksanakan yang melibatkan satu Audit Khas, satu Pengauditan Pengurusan Syarikat dan tiga Pengauditan Pematuhan.

2. Lima pengauditan yang dilaksanakan merangkumi seperti berikut:

2.1. Audit Khas Pengurusan Hutan dan Impak Kepada Alam Sekitar di Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu (JPNT) melibatkan keluasan kawasan berhutan seluas 0.68 juta hektar.

2.2. Pengauditan Pengurusan Syarikat Terengganu Incorporated Sdn. Bhd. (TISB) dengan modal berbayar berjumlah RM640.57 juta.

2.3. Tiga pengauditan pematuhan iaitu:

- a. pembayaran terhadap aktiviti/program melalui Akaun Pejabat Daerah di Pejabat Daerah Hulu Terengganu (PDHT), Pejabat Daerah Setiu dan Pejabat Daerah Kemaman;
- b. bayaran perkhidmatan membekal makanan bermasak ke asrama sekolah di Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT); dan
- c. pembayaran Bantuan Am dan Bantuan Membaiki Rumah di Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Terengganu (JKMNT).

3. Secara keseluruhannya, daripada lima pengauditan yang disemak didapati beberapa penemuan seperti berikut:

3.1. Bagi aspek penilaian pencapaian output didapati:

- a. Pengurusan Hutan dan Impak kepada Alam Sekitar
 - i. Kutipan hasil hutan bagi tahun 2016, 2019, 2020 dan 2021 tidak mencapai sasaran ditetapkan iaitu antara 60.8% hingga 96.5%. Selain itu, pencapaian setakat tahun 2021 berbanding sasaran yang ditetapkan dalam RSN mendapati sasaran pelaksanaan 30 strategi RE CFS tidak tercapai kerana 16 strategi tidak dapat dilaksanakan.

- ii. Bagi aspek alam sekitar pula, kawasan hutan seluas 55,558.30 hektar yang dicadang diwartakan sebagai Hutan Simpan Kekal (HSK) tidak tercapai kerana belum diwartakan setakat tahun 2021. Selain itu, pelaksanaan aktiviti RPH tidak mencapai sasaran ditetapkan iaitu antara 30.6% hingga 58.3% sahaja.
 - b. Pengauditan Pengurusan Syarikat TISB
 - i. Prestasi pencapaian kewangan tidak sepenuhnya mencapai sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2019 sehingga 2021.
- 3.2. Bagi aspek penilaian pencapaian keberhasilan didapati:
- a. Pengurusan Hutan dan Impak kepada Alam Sekitar
 - i. Penilaian terhadap aspek ekonomi mendapati aktiviti usahasil telah menyumbang kepada pengeluaran kayu dan hasil negeri. Bagi aspek sosial pula, sebanyak 5,156 kes aduan diterima oleh Jabatan PERHILITAN terhadap konflik antara manusia dan hidupan liar bagi tahun 2016 hingga 2021. Bagaimanapun, peluang pekerjaan berjaya diwujudkan dalam kilang berasaskan kayu kepada masyarakat setempat yang merupakan impak positif daripada aktiviti perhutanan.
 - ii. Bagi penilaian terhadap aspek alam sekitar pula, aktiviti perhutanan memberikan impak negatif bagi empat kriteria yang dinilai iaitu Usahasil (3 kes), Perlombongan (7 kes), Projek Pembangunan Ladang Hutan (3 kes) dan Teroka Haram (1 kes).
 - b. Pengauditan Pengurusan Syarikat TISB
 - i. TISB hanya menerima pulangan dividen daripada enam syarikat subsidiari sejumlah RM35.05 juta bagi tahun 2019 hingga 2021.
 - ii. TISB tidak mengisytiharkan dividen kepada enam pemegang saham bagi tahun 2019 hingga 2021.
- 3.3. Berdasarkan aspek pengurusan aktiviti didapati:
- a. Pengurusan Hutan dan Impak kepada Alam Sekitar
 - i. Penilaian terhadap Sistem Pengurusan Data Geospatial Perhutanan mendapati 43 rekod tidak dikemas kini dalam sistem FMRS Plus dan e-GP pada tahun 2021 serta garisan sempadan luar HSK di sistem e-GP tidak tepat.

- ii. Bagi aktiviti PPLH, perjanjian permit penggunaan belum dimuktamadkan, penanaman pokok tidak mencapai sasaran dan terdapat tiga pelanggaran syarat kelulusan EIA.
- iii. Bagi aktiviti Usahasil pula, 10 lesen diluluskan tebang habis dalam hutan pengeluaran yang disijilkan MC&I untuk usahasil secara tebangan memilih, 39 lesen diluluskan tanpa kelulusan EIA, lima kelulusan EIA tidak mengikut Jadual Kedua dan terdapat tiga ketidakpatuhan kepada garis panduan.
- iv. Bagi aktiviti Perlombongan, terdapat tujuh ketidakpatuhan syarat kelulusan EIA dan pembinaan *tailing pond* menyebabkan gangguan aliran anak sungai aktif.
- v. Bagi aktiviti Pemantauan dan Penguatkuasaan pula terdapat 29 kes penerokaan haram seluas 306.97 ha dan sebanyak 123 kertas siasatan kes kesalahan hutan belum selesai.

b. Pengauditan Pengurusan Syarikat TISB

- i. Sebanyak 12 daripada 25 syarikat subsidiari berstatus dormant bagi tempoh tiga hingga 14 tahun.
- ii. Perjanjian pendahuluan dan jadual bayaran balik tidak disediakan

3.4. TISB mengamalkan sepenuhnya lapan daripada 10 aspek tadbir urus korporat. Selain itu, TISB mengalami kerugian terkumpul berjumlah RM8.51 juta pada tahun 2021.

3.5. Bagi pengauditan pematuhan, terdapat tiga isu pembayaran tidak teratur bernilai RM458,858 melibatkan PDHT, JHEAT dan JKMNT iaitu:

- a. pembayaran sejumlah RM12,200 dibuat tanpa kelulusan di PDHT.
- b. bayaran kepada pembekal sejumlah RM215,608 dibuat sebelum pelanjutan kontrak diluluskan di JHEAT.
- c. kelulusan Bantuan Am sejumlah RM231,050 tidak melalui Mesyuarat Jawatankuasa Penimbang di JKMNT.

4. Hasil daripada pengauditan yang dilaksanakan, Jabatan Audit Negara telah mengemukakan 12 syor untuk diambil tindakan oleh jabatan dan syarikat berkaitan. Sebanyak lima syor dikemukakan kepada JPNT, tiga syor kepada TISB, dua syor kepada PDHT manakala satu syor masing-masing kepada JHEAT dan JKMNT.